

PM sokong penuh tindakan banteras rasuah

Bangi: Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi sokongan penuh kepada pihak berkuasa untuk meneruskan tindakan dan tugas mereka dalam membersihkan negara ini daripada jenayah rasuah dan salah guna kuasa.

Perdana Menteri berkata, beliau akan mendapat laporan daripada Ketua Audit Negara, selain Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Lem-

baga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Bahagian Pengubahan Wang Haram (AML) dan Bank Negara Malaysia (BNM) mengenai perkembangan isu rasuah, termasuk berkaitan kegiatan pengimportan sisa elektronik (e-waste).

Beliau berkata, dalam pengalaman kerajaan berkaitan kontrak dan tender, walaupun tekanan dan gesaan kuat diberikan dalam urusan itu, namun

masih ada kelemahan serta keterlanjuran yang harus ditangani.

“Sebagai contoh, cadangan SPRM mengenai e-waste. Saya tidak faham mengapa boleh masuk (ke negara ini) kerana pandangan dan ketetapan kita serta Jemaah Menteri adalah melarang sama sekali Malaysia menjadi tempat pembuangan e-waste.

“Petang ini, saya akan dapat

laporan daripada Ketua Audit Negara, kemudian SPRM, LHDN, AML dan BNM harus teruskan tugas mereka membersihkan sikit baki kerenah rasuah serta penyalahgunaan kuasa,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas menunaikan solat Jumaat di Surau Al-Amin, Bandar Baru Bangi di sini, semalam.

Perdana Menteri ditanya me-

ngenai kenyataan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, semalam mengenai beberapa Kementerian kini berada dalam radar suruhanjaya itu, berkaitan isu perolehan.

Tanpa mendedahkan Kementerian terbabit, Azam menegaskan, pihaknya akan melakukan tindakan agresif dalam melaksanakan tanggungjawab dan menyelamatkan wang negara.